

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Thursday, November 22, 2018 11:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program Lawatan Sambil Belajar SAINA Lahir Pelajar Unggul



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

22 NOVEMBER 2018, KHAMIS | 14 RABIULAWAL 1440H



HEP: Selaras dengan perkembangan dunia global yang semakin mencabar, pelajar sentiasa dituntut dari pelbagai sudut agar melengkapkan diri dengan arus permodenan baik dari segi pendidikan, sosial mahupun sahsiah diri.

Justeru, Sekolah Menengah Sains Pokok Sena (SAINA) telah mengadakan lawatan ke Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 21 November baru-baru ini yang melibatkan seramai 105 pelajar tingkat tiga.

Program setengah hari itu dirangka sebagai landasan terbaik untuk memberi pengalaman baharu secara langsung, khususnya pelajar tingkatan tiga dengan mengadakan lawatan sekitar PBS dan sesi pembentangan oleh pelajar-pelajar berkenaan.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Hussain, program ini diharapkan dapat memberi suntikan kepada pihak sekolah dalam melahirkan pelajar yang unggul bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah dalam kegiatan ko-kurikulumnya.

"kita berharap agar semua aktiviti yang sempat dilaksanakan membawa satu impak positif kepada pelajar meskipun dijalankan pada masa yang singkat.

Dalam masa yang sama, beliau turut menjemput, sekali gus mengalu-alukan kehadiran pelajar malah terbuka khususnya kepada guru-guru yang ingin bekerjasama dengan PBS.

Sementara itu, Guru Kaunselor SAINA Mohd Zaki Ahmad, berkata lawatan itu telah berjaya membuka minda pelajar khususnya dalam konteks kepimpinan, keyakinan diri, berdikari, semangat setiakawan dan peningkatan disiplin diri.

“Selain itu, program ini juga dapat meningkatkan kesedaran pelajar akan kepentingan sikap bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

“Saya berharap program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan, sokongan dari pihak PBS amat kami harapkan,” katanya.

“Program seperti ini amat digalakkan kerana memberi input kepada pelajar dalam usaha membantu, mendekatkan pelajar dengan organisasi luar dan merapatkan lagi hubungan antara SAINA dan PBS,” jelasnya lagi.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.